

# UMS raih empat bintang dalam Penarafan MyRA®

NST 19.10.16 12



## **PENCAPAIAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH** **dalam Penilaian Malaysia Research Assessment** **(MyRA®) bagi tahun 2016**



Sejak 2013, penarafan MyRA UMS telah meningkat kepada 3 bintang, dan terkini pencapaian terus meningkat dengan memperolehi penarafan **4 bintang bagi tahun 2015**

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mencapai peningkatan yang membanggakan apabila berjaya memperolehi empat bintang dalam penarafan Malaysia Research Assessment (MyRA®) 2015.

Keputusan rasmi penarafan MyRA® telah diumumkan oleh Pengarah Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi, Prof. Dr. Raha Abdul Rahim.

Pengumuman itu dibuat dalam satu surat rasmi bertarikh 13 Oktober 2016 yang dialamatkan kepada Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.

Prof. Datuk Dr. Mohd Harun dalam satu kenyataan melahirkan rasa bangga dengan menyifatkan pencapaian tersebut sebagai satu peningkatan yang mem-

berangsangkan hasil kerjasama seluruh warga UMS.

“Sejak 2013, penarafan MyRA® UMS telah meningkat kepada pencapaian tiga bintang, dan terkini pada tahun 2015, kita merasa gembira apabila pencapaian universiti terus meningkat dengan meraih pengiktirafan empat bintang.

“Ini merupakan hasil kerjasama seluruh warga UMS yang sentiasa memberikan komitmen padu dan menyokong perancangan pihak pengurusan UMS dalam membawa universiti ini terus maju ke hadapan,” katanya.

Penilaian MyRA® adalah berdasarkan lapan kriteria utama iaitu Kuantiti dan Kualiti Penyelidik, Kuantiti dan Kualiti Penyelidikan, Kuantiti Pascasiswazah, Kualiti Pascasiswazah, Inovasi, Perkhidmatan Profesional dan Hadiah, Jaringan dan Jangkauan, serta Pasiliti Sokongan.